

Penglibatan dan Sumbangan Kanak-kanak Warga Filipina dalam Ekonomi Perikanan di Sabah: Satu Pengadilan Moral?

ABSTRACT

The issues and questions of the existence of Philippine children's in Sabah have been studied and written as well as tried to be solved by the academicians. However, yet the issues and questions are still not being solved but getting worst and putting Sabah at lost. Based on the above question and scenario, the writer thinks that the time has come to stop from discussing and debating the existence of the Philippine children's in various activities in Sabah from the negative perspective, but to change and divert the public perception by looking and defining their involvement positively from global perspective of the current world. In other words, the purpose of this document – based on research, library study and interview – is to provide new breath about the issue and question of Philippine children's and not to repeat what have been studied and written by the previous researcher in realizing and belief that there is a difference and clear dividing line between "facts and realities". The purpose of this paper is to discuss the extent and suitability of the involvement of the Philippine children's to be classified as "labour" in Sabah fishery economic and to take it as one way of victimization of rights as included in the "Convention of Children Rights 1989" declaration about labour concept as stated in the Sabah Labour Ordinance. However, the Philippine children's (as well as Indonesians) have provided impact in the development of Sabah Economy.

Key words: *Philippine children, Sabah fishery economy and positive interpretation of historical facts and reality.*



Prof. Madya Dr. Ismail Ali ialah Pensyarah Kanan pada Sekolah Sains Sosial UMS (Universiti Malaysia Sabah) dan Setiausaha Jurnal *Sosiohumanika* (kongsi penerbitan antara UMS di Kota Kinabalu dengan UPI di Bandung). Beliau dilahirkan di Keningau, Sabah, pada 4hb Mac 1969. Beliau berkelulusan Bachelor of Arts (1991) dan Master of Arts (1999) mengenai sejarah Asia Tenggara dan pengajian sejarah maritim daripada UM (Universiti Malaya) di Kuala Lumpur. Beliau berkelulusan Doctor of Philosophy (2004) mengenai sejarah ekonomi-maritim daripada UMS. Beliau telah banyak menulis buku, di antaranya adalah:

Penyalahgunaan Bahan Letupan dalam Industri Perikanan di Sabah (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2006); dan *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Sabah* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2007). Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat e-mail: ismailrc@ums.edu.my

PENDAHULUAN

Isu penderaan, pengabaian hak dan penganiayaan bukanlah merupakan satu isu atau fenomena yang baru berlaku, tetapi pada hakikatnya telah lama wujud dalam lipatan sejarah peradaban manusia tanpa mengira ras, keturunan dan agama yang melibatkan semua bangsa di dunia (Bakan, 1971). Di Barat, sejarah penggunaan kanak-kanak sebagai sumber tenaga kerja begitu sinonim dengan sejarah kemunculan dan perkembangan Revolusi Perindustrian di mana kanak-kanak telah dijadikan buruh dan dikehendaki berkerja 10-14 jam sehari untuk memenuhi pasaran (Rahardjo ed., 1987).

Di Thailand, Vietnam, Amerika Latin dan lain-lain negara yang tergolong sebagai negara “dunia ketiga”, kanak-kanak perempuan bukan sahaja dijadikan buruh ekonomi tetapi lebih malang lagi turut dijadikan “buruh sosial”, iaitu untuk memenuhi keperluan industri pelacuran. Menurut laporan Organisasi Migrasi Antarabangsa, kira-kira 200,000 wanita dan kanak-kanak menjadi mangsa perdagangan di Asia Tenggara setiap tahun (Corradini, 2001). Dalam rencana yang bertajuk “Global Movement for Children” pula menganggarkan bahawa kira-kira 250 juta kanak-kanak berusia antara 5-14 tahun bekerja di negara-negara membangun; kira-kira 60 juta kanak-kanak dieksplot dalam bentuk buruh kanak-kanak; 120 juta pula berkerja sepenuh masa; dan 80% kanak-kanak bekerja tanpa mendapat sebarang upah (*New Strait Time*, 26/8/2001).

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO, *International Labor Organization*) pula menganggarkan lebih-kurang 246 juta kanak-kanak bekerja dalam lingkungan umur 5 hingga 17 tahun. Menurut ILO lagi, lebih dari 150 juta buruh kanak-kanak berusia antara 5 hingga 14 tahun terpaksa melakukan pekerjaan yang berbahaya dan tidak sesuai pada tempatnya, dan 61% daripada jumlah keseluruhan buruh kanak-kanak di dunia berasal dari negara-negara Asia dan meramalkan angka ini akan terus meningkat akibat krisis ekonomi dan politik di Asia. Dalam kenyataan yang dibuat oleh ILO sewaktu pertemuan dengan para perwakilan yang mewakili 13 buah negara Asia di Pulau Phuket, Thailand, menganggarkan kira-kira 61% dari seluruh buruh kanak-kanak di dunia berasal dari Asia (ILO, 2004). Contoh terbaik untuk melihat bagaimana malangnya nasib kanak-kanak di dunia pada masa kini akibat krisis ekonomi, teraniaya oleh bangsanya sendiri, pergolakan politik dan persengketaan antara puak dan kaum yang berpanjangan dan bencana alam ialah di negara-negara di benua Afrika, Amerika Latin, Asia Barat, Asia Tenggara dan Asia Selatan

Menurut *United Nations on International Children's Fund* (UNICEF), pergolakan politik perkauman ini telah menyebabkan ramai kanak-kanak dipaksa untuk menjadi askar yang membantah kanak-kanak melibat diri dalam konflik peperangan, setuju bahawa kanak-kanak yang menjadi askar bukannya secara sukarela. Menurut UNICEF lagi, kanak-kanak ini menjadi askar adalah disebabkan oleh paksaan politik (dalam Melton, 1991).

Jika dilihat dari perspektif sejarah pula, isu penderaan, pengabaian hak dan penganiayaan kanak-kanak atau lebih tepat lagi sebagai hamba atau budak

suruhan dalam sistem sosial masyarakat feudal biasanya tidak dilihat sebagai satu kesalahan kerana dianggap sebagai sebahagian daripada khidmat rakyat kepada pemerintah. Raja atau Sultan dianggap oleh masyarakat sebagai “bayangan Tuhan” (Suwirta, 2007:112); dan adalah menjadi suatu kebanggaan kepada rakyat jelata jika kaum wanita dan kanak-kanak mereka dapat berkhidmat kepada pemerintah pada waktu itu. Penjajahan oleh kuasa-kuasa Barat di kebanyakan negara di Asia Tenggara nampaknya telah merubah bentuk asal penderaan, pengabaian hak dan penganiayaan kanak-kanak kepada satu bentuk yang lebih sistematik, mempunyai nilai dagang dan diinstitusikan secara perundangan. Dalam erti kata lain, ketidaktentuan “oder dunia” yang menghambat kebanyakan penduduk dan negara di dunia pada masa kini nampaknya tidak lagi melihat zaman kanak-kanak itu sebagai suatu yang harus dipertahankan tetapi sebaliknya harus dikorbankan untuk *economy and political survival* (Anisah Che Ngah, 2002). Selain negara-negara yang telah dinyatakan di atas, isu penggunaan, penderaan, pengabaian hak dan penganiayaan kanak-kanak juga turut melanda negara-negara di Asia Tenggara, seperti di Filipina, Vietnam, Myanmar, Kemboja, Thailand dan Indonesia.

KANAK-KANAK DARI PERSPEKTIF HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT DAN PERUNDANGAN

Sebelum membincangkan dengan lebih jauh lagi berhubung hak kanak-kanak, elok juga sekiranya dibincangkan terlebih dahulu konsep dan perkembangan pemikiran hak kanak-kanak dari perspektif hak asasi manusia sejagat. Dari segi sejarahnya, konsep hak asasi manusia boleh dijejaki kewujudannya semenjank zaman Greek yang dipelopori oleh ahli-ahli falsafah ulung dunia, seperti Aristotle dan Plato, yang membahaskan persoalan kebebasan manusia (Donnelly, 1985; dan Melton, 1991). Dalam teori individualistik, yang dipelopori oleh John Locke, menegaskan bahawa setiap manusia mempunyai hak semulajadi untuk hidup, kebebasan dan memiliki harta sendiri dan menjadi kewajipan kepada pemerintah untuk mempertahankan hak tersebut (Suwirta, 2005:30). Kenyataan ini sebagai reaksi John Locke untuk mencabar kedudukan para pemerintah pada waktu itu. Idea John Locke ini juga telah dijadikan inspirasi kepada para pelopor yang menarajui revolusi Amerika Syarikat, Perancis dan Britain pada abad ke-18 dan seterusnya melahirkan liberalisme Barat. Dalam perspektif agama-agama terbesar dunia, seperti Islam, Kristian, Yahudi, Hindu, Buddha, Hindu, Konfusius dan lain-lain, juga ada memperjelaskan hak-hak manusia dengan manusia dan manusia dengan Tuhan.

Namun demikian, terdapat juga beberapa doktrin dan teori yang menolak idea dan kewujudan hak asasi manusia secara semulajadi; dan teori individualistik ini dipelopori oleh Karl Marx, Engels, Burke, Bentham dan lain-lain. Menurut tokoh-tokoh di atas, konsep hak asasi manusia tidak mempunyai kaitan dengan agama tetapi sebaliknya ditentukan oleh kuasa, nilai faedah,

kelas ekonomi dan sejarah manusia sendiri yang dikaitkan dengan “kontrak sosial” antara individu (manusia) dengan negara atau pemerintah (Bakan, 1971; dan Donnelly, 1985). Dalam erti kata lain, tokoh-tokoh di atas yang mewakili doktrin dan teori *kolektivisme* (sosialis) hanya melihat bahawa idea dan kewujudan hak asasi manusia secara semulajadi dan teori individualistik sebagai retorik sahaja, yakni untuk menjaga kepentingan kapitalis kesan daripada revolusi perindustrian di Barat. Karl Marx yang terkenal sebagai penentang kepada fahaman kapitalisme dan memperjuangkan fahaman sosialisme percaya bahawa hak asasi manusia hanya akan terpancar apabila terbentuknya masyarakat tanpa kelas yang didukung sendiri oleh golongan *proletariat* atau kelas pekerja, dan bukannya yang dicipta oleh golongan *borjuis* atau majikan (Sabine & Thorson, 1973).

Kewujudan doktrin individualisme dan diseimbangkan pula oleh doktrin sosialisme ini sebenarnya telah menyedarkan masyarakat dunia dan seterusnya membuka ruang dan jalan untuk mensejagatkan lagi hak asasi manusia melalui Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang bertindak sebagai mewakili pandangan antarabangsa pada masa kini. Pada tahun 1948, Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia telah diisytiharkan sebagai tanda komitmen dunia terhadap hak asasi manusia sejagat. Walaupun Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia telah diisytiharkan, namun persoalan hak asasi manusia terus menjadi perdebatan di antara fahaman *universalisme* dan *relativisme* dan tiada jalan penyelesaiannya hingga kini.

Di negara-negara dunia ketiga, persoalan hak asasi manusia seringkali dicemari dan diabaikan akibat krisis politik, kemelut ekonomi, kemiskinan dan sebagainya yang seringkali dikaitkan dengan globalisasi. Dalam erti kata lain, perkataan hak asasi manusia hanya sesuai diamalkan di negara Barat dan tidak di kebanyakan negara-negara dunia ketiga yang masih bergelut untuk keluar dari pelbagai masalah ekonomi, politik dan sosialnya. Dalam hal ini, kanak-kanak merupakan antara golongan yang terpaksa menanggung nasib dan dinafikan hak mereka akibat daripada ketidaktentuan oder dunia pada masa kini.

Menyedari akan nasib malang yang menimpa kanak-kanak di seluruh dunia, maka masyarakat antarabangsa yang diwakili oleh pelbagai pertubuhan telah menggubal pelbagai peraturan dan undang-undang untuk melindungi kanak-kanak daripada terus teraniaya atau diketepikan hak mereka sebagai kanak-kanak, seperti yang termaktub dalam Konvensyen 182 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (1999); Konvensyen Perhambaan (1926 dan 1956); Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Terhadap Kanak-kanak (1989) dan lain-lain lagi. Dalam perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tahun 1989, satu konvensyen yang dikenali sebagai “Konvensyen Hak Kanak-kanak” telah diluluskan yang memperincikan piawaian keselamatan dan perlindungan kanak-kanak daripada segala bentuk eksploitasi dan penganiayaan (Melton, 1991:4). Dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia, Fasal 20, Undang-Undang No.39/1999 menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh diperbudak atau

diperhamba dan perbuatan memperhambakan, memperdagangkan budak dan wanita, dan segala perbuatan sedemikian rupa atau apapun yang tujuannya adalah dilarang sama sekali. Dalam Pasal 65, Undang-Undang No.39/1999 juga menyatakan bahwa setiap anak berhak untuk memperoleh perlindungan dari kegiatan eksploitasi dan pelecehan seksual, penculikan, perdagangan anak, serta berbagai bentuk penyalahgunaan narkotika, psikotropika dan zat adiktif lainnya (Steele & Pollock, 1974; dan Donnelly, 1985).

Isu penglibatan dan penggunaan kanak-kanak di bawah umur dalam pelbagai kegiatan ekonomi, politik dan sosial yang melibatkan kebanyakan negara dan membimbangkan masyarakat dunia pada masa kini nampaknya juga turut dikongsi dan dirasakan oleh negara kita, walaupun berbeza dari segi bentuk, kapisiti dan pengalaman sejarahnya, walau bagaimanapun juga Malaysia telah meratifikasikan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. Untuk tujuan tersebut, pihak kerajaan telah menggubal pelbagai undang-undang untuk memastikan hak asasi kanak-kanak, sepertimana yang terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat tahun 1948 dan Konvensyen Hak Kanak-kanak tahun 1989 boleh dipatuhi.

Satu persoalan yang harus dijelaskan di sini ialah siapakah yang dimaksudkan dan dikategorikan sebagai kanak-kanak dari perspektif perundangan Malaysia? Dari segi pengertian umum perundangan, kanak-kanak merujuk kepada “juvana dan orang muda”, yakni mereka yang belum dewasa dan mencapai usia 18 tahun seperti yang terkandung dalam Akta Umur Dewasa tahun 1971. Dalam Akta Kanak-kanak tahun 1947 (dipinda tahun 1980) telah mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang yang berumur di bawah 14 tahun. Dalam Akta Mahkamah Juvana tahun 1947 pula kanak-kanak telah ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di bawah 14 tahun (Kerajaan Malaysia, 1991). *Juvana* adalah seseorang yang berumur antara 7 hingga 17 tahun; dan *anak muda* pula bererti seseorang yang berumur antara 14 hingga 17 tahun.

Dalam Akta Perlindungan Kanak-kanak tahun 1991 (Akta 468) di bawah Seksyen 2 (1) telah mentafsirkan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur kurang dari 18 tahun dan jika melanggar akta ini boleh didenda tidak melebihi 10 ribu atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya jika disabit. Akta ini telah digubal pada September 1991 dan dikuatkuasakan pada Mac 1992 untuk melindungi kanak-kanak yang teraniaya dan diabaikan berikutan kes Balasundram berusia 26 bulan yang didera sehingga mati oleh keluarganya (Anisah Che Ngah, 2002:24). Sementara itu, Akta Kanak-kanak dan Orang Dewasa (Pekerjaan) tahun 1966 pula diperkenalkan dengan tujuan untuk melindungi hak asasi kanak-kanak daripada terjebak dalam bidang pekerjaan. Namun demikian, dalam Seksyen 13 Akta Kanak-kanak dan Orang Dewasa (Pekerjaan) tahun 1966 ada pula memperuntukan bahawa seseorang kanak-kanak atau orang muda adalah layak dan kompeten untuk memasuki suatu kontrak perkhidmatan walaupun bercanggah dengan Akta Umur Dewasa tahun 1971.

Penggubalan dan pelaksanaan undang-undang yang berkaitan dengan penggunaan kanak-kanak sebagai buruh di Malaysia mempunyai hubungkait dengan sejarah kemasukan imigran Cina dan India, kesan perkembangan ekonomi bijih timah dan getah di Tanah Melayu pada abad ke-19 dan penyalahgunaan kanak-kanak sebagai buruh oleh ibu bapa dan majikan. Dari segi sejarahnya, Undang-Undang (Ordinan) Buruh yang digubal dalam abad ke-19 dan awal abad ke-20 adalah sebahagian besarnya menyentuh tentang imigrasi, syarat-syarat kerja bagi kemasukan buruh paksa, perumahan keadaan kesihatan dan sebagainya. Pentadbiran British di Tanah Melayu telah menubuhkan Jabatan Buruh pada tahun 1912 di Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Satu Kanun Buruh telah digubal bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1912 dan bagi Negeri-negeri Selat pada tahun 1920. Kerajaan British juga telah menggubal satu enakmen pada tahun 1922 yang dikenali sebagai Enakmen Kanak-kanak tahun 1922 yang menjelaskan dan memperincikan aspek perlindungan kanak-kanak daripada dijadikan pekerja oleh majikan. Di bawah Seksyen 10 dalam enakmen ini telah memperuntukkan bahawa ibu bapa/ penjaga yang bersubahat dengan majikan menggunakan buruh kanak-kanak sebagai pekerja adalah dianggap melakukan kesalahan. Pada tahun 1935, kerajaan British telah menggubal Kanun Pekerja yang tidak membenarkan kanak-kanak imigran di bawah umur 10 tahun dijadikan buruh dan dalam Seksyen 65 Kanun Pekerja ini pula tidak membenarkan kanak-kanak bekerja malam, kecuali sebagai pekerja domestik sahaja (Jomo, 1992).

Apabila Kementerian Kebajikan Masyarakat mendapati berlakunya penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak tahun 1940-an, Ordinan Kanak-kanak dan Orang Dewasa tahun 1947 dan Ordinan Mahkamah Juvana tahun 1947 telah digubal. Pada tahun 1953, Ordinan Pekerjaan telah digubal dan dikuatkuasakan tahun 1955 yang merangkumkan Ordinan Kanak-kanak dan Orang Dewasa tahun 1947 dan Ordinan Mahkamah Juvana tahun 1947. Di negeri Sabah, Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) menjelaskan takrif kanak-kanak sebagai berusia di bawah 14 tahun dan orang muda berumur antara 14-18 tahun (Jabatan Buruh Sabah, t.t.).

Di Malaysia, isu penggunaan kanak-kanak bawah umur lebih berkisar kepada persoalan ekonomi dan sosial sahaja dan bukannya melibatkan kanak-kanak tempatan secara total, tetapi lebih merujuk kepada kanak-kanak warga asing. Secara realitinya, nasib kanak-kanak warga asing yang terlibat dalam kegiatan ekonomi dan sosial di negara kita adalah jauh lebih baik daripada nasib kanak-kanak di kebanyakan negara membangun. Pada masa kini, isu penggunaan kanak-kanak dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan sosial nampaknya lebih dirasai oleh negeri Sabah berbanding dengan lain-lain negeri dalam Malaysia disebabkan oleh pengalaman sejarah lampau, kekayaan ekonomi sumber yang menjanjikan beribu peluang pekerjaan, dan kedudukan geografinya yang berjiran dengan negara Filipina dan Indonesia yang selalu menghadapi krisis politik dan ekonomi.

Dalam laporan yang bertajuk “Laporan Negara Berkenaan Amalan Hak Asasi” bertarikh 28 Februari 2005, yang dikeluarkan oleh Biro Demokrasi Hak Asasi dan Buruh menganggarkan “kanak-kanak jalanan” di Sabah semakin meningkat dari masa ke semasa. Sabah yang pernah digelar sebagai *Land Below the Wind* oleh para pengembara Eropah dan mempunyai keindahan pemandangan persekitaran bandarnya dari kerakusan pembangunan nampaknya kini telah tercalar dengan kehadiran kanak-kanak, terutamanya warga Filipina sama ada yang berstatus penduduk tetap, berstatus pelarian perang (IMM13) atau pendatang tanpa izin. Pada masa kini, banjir kanak-kanak warga Filipina di bandar-bandar utama di Sabah, termasuk bandaraya Kota Kinabalu, telah menjadi satu pemandangan biasa. Adalah tidak keterlaluan untuk diperkatakan bahawa kemudahan infrastruktur dan keseronokan di kawasan bandar atau bandaraya utama di negeri Sabah yang disediakan oleh pihak kerajaan seolah-olah menjadi hak milik mutlak kanak-kanak warga Filipina, dan kanak-kanak warga tempatan pula hanya layak untuk menikmati kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar yang serba kekurangan.

Isu keberadaan kanak-kanak Filipina di kawasan bandar dan bandaraya Kota Kinabalu juga turut mengundang pelbagai gejala sosial dan jenayah seperti mencacatkan pemandangan bandar, menjadi peminta sedekah, mengganggu ketenteraman awam, vandalisma, kes penagihan dadah, kecurian dan sebagainya. Pendek kata, sekali pandang keberadaan kanak-kanak warga asing ini dilihat dan ditafsirkan dengan pelbagai persepsi negatif sahaja dan menambahkan beban pihak kerajaan Sabah (Suhaimi Sainan, 2000). Dari aspek ekonomi pula, keberadaan dan penglibatan kanak-kanak warga Filipina dalam pelbagai kegiatan ekonomi dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di Sabah. Hujah ini diperkuatkan dan diperkukuhkan lagi dengan keengganan dan sikap kanak-kanak warga tempatan yang enggan melakukan pekerjaan yang dilakukan oleh kanak-kanak warga Filipina dan dipandang “rendah tarafnya” oleh kanak-kanak tempatan (Dzurizah Ibrahim & Jalilah Md. Shah, 2005). Dalam erti kata lain, sedang kanak-kanak warga tempatan masih lagi dibuai mimpi dan seronok bermain, kanak-kanak warga Filipina telah bangkit dari tidur dan bergelumang dengan pelbagai pekerjaan untuk membantu keluarga masing-masing meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka di negara orang.

Memandangkan kanak-kanak warga asing ini tidak lagi layak memasuki ekonomi pasaran dan menyalahi Ordinan Jabatan Buruh Sabah disebabkan oleh faktor usia, maka penglibatan kanak-kanak warga Filipina di Sabah dalam sesuatu kegiatan ekonomi biasanya dibayangi oleh pekerjaan ibu bapa dan penjaga mereka sahaja yang berkerja sebagai buruh upah di pelbagai sektor ekonomi, berniaga hasil-hasil laut, pertanian (sayur-sayuran dan buah-buahan), perkhidmatan seperti menjual rokok, tukang kasut, menjual pelbagai keperluan asas di pasar malam dan sebagainya. Selain membantu ibu bapa atau penjaga menjalankan pekerjaan di atas, kanak-kanak ini juga turut menyediakan

perkhidmatan sampingan kepada para pelanggan yang berurusan dengan perniagaan ibu bapa atau penjaga mereka, seperti membekalkan kemudahan beg plastik dan perkhidmatan mengangkat barang kepada orang ramai. Oleh yang demikian timbul beberapa persoalan yang perlu dileraikan di sini ialah sejauhmana penglibatan kanak-kanak dalam pelbagai kegiatan ekonomi di Sabah boleh ditafsirkan sebagai pelanggaran hak asasi kanak-kanak; sejauhmana penglibatan mereka sesuai dalam pelbagai kegiatan ekonomi yang diklasifikasikan atau digolongkan sebagai “buruh”, yakni menyamakannya seperti buruh-buruh yang ada di pasaran kerja; sejauhmana penglibatan kanak-kanak ini boleh ditafsirkan sebagai perbuatan penganiayaan, pengabaian hak, peminggiran mahupun sebagai satu bentuk penderaan baru lagi bersistematik oleh keluarga atau majikan mereka? Atau apakah tanggapan masyarakat awam terhadap kanak-kanak ini hanya berdasarkan kepada fakta dan yang tersurat sahaja dari perspektif kaca mata mereka tanpa melihat realiti sebenar dari dalam diri kanak-kanak itu sendiri? Apakah penglibatan kanak-kanak warga Filipina dalam pelbagai kegiatan ekonomi sebenarnya bukan dilakukan atas kerelaan hati tetapi sebaliknya didorong oleh faktor kemiskinan mutlak atau relatif? Dari aspek yang lain, apakah penglibatan kanak-kanak warga Filipina dalam pelbagai kegiatan ekonomi di Sabah wajar dijadikan contoh dan tauladan kepada kanak-kanak kita untuk menjadi seorang usahawan bumiputera pada masa hadapan?

SEPINTAS LALU MENGENAI MIGRASI, KEBERADAAN WARGA DAN KANAK-KANAK FILIPINA

Perbincangan dan pemahaman berhubung sejarah dan latar belakang kehadiran warga Filipina di Sabah penting untuk dijadikan asas bagi memahami dengan lebih mendalam tentang keberadaan dan penglibatan kanak-kanak dalam pelbagai kegiatan ekonomi di Sabah pada masa kini. Berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia, Sabah merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai bilangan tertinggi pendatang Filipina, termasuk warga Indonesia. Justru itu, isu keberadaan warga Filipina bukanlah merupakan satu fenomena yang baru lagi asing kepada penduduk di Sabah khasnya dan Malaysia amnya.

Sejarah telah membuktikan bahawa telah wujudnya hubungan di antara bangsa Filipina dengan penduduk negeri Sabah (Borneo Utara) sejak tahun 1750-an atau lebih awal dari itu lagi, iaitu apabila pantai timur dan utara Borneo Utara diperintah oleh Kesultanan Sulu yang berpusat di Jolo. Walau bagaimanapun, keberadaan warga Filipina di bumi Sabah sejak pemerintahan Kesultanan Sulu, *British North Borneo Chartered Company*, hingga sebelum hari pembentukan Malaysia pada tahun 1963 tidak boleh diklasifikasikan sebagai pendatang tanpa izin sepenuhnya kerana konsep persempadanan antarabangsa yang memisahkan dan memutuskan hubungan lampau secara sah dari segi perlaksanaan dan penguatkuasaan perundangan belum lagi terjelma pada waktu itu (Tregonning, 1965).

Dalam erti kata lain, penggunaan istilah pendatang tanpa izin warga Filipina di bumi dan perairan negeri Sabah hanya wujud apabila negeri ini secara rasminya mencapai kemerdekaan melalui pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Berdasarkan kepada laporan tidak rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (Sabah) menganggarkan terdapat lebih setengah juta warga pendatang tanpa izin Filipina di Sabah. Pada masa kini, keberadaan mereka ini boleh dilihat di seluruh bandar-bandar utama dan pedalaman Sabah dan jauh dari itu lagi mula mendominasi pelbagai kegiatan ekonomi di Sabah (Dzurizah Ibrahim & Jalilah Md. Shah, 2004).

Sejarah kemasukan secara besar-besaran pendatang warga Filipina ke negeri Sabah sekitar tahun 1970-an berlaku disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu: (1) krisis politik dan agama di antara pejuang *Moro National Liberation Front* atau MNLF yang berpusat di selatan Filipina dengan kerajaan Filipina di bawah pimpinan Ferdinand Marcos di Manila; dan (2) kesudian para pemimpin Persekutuan dan Kerajaan Sabah untuk menerima para pelarian politik dan peluang-peluang pekerjaan di negeri ini. Pada awal tahun 1970-an telah menyaksikan ketidakstabilan politik di beberapa buah wilayah di selatan Filipina yang bersempadanan dengan pantai timur Sabah apabila berlakunya krisis politik di antara MNLF (*Moro National Liberation Front*) yang mewakili penduduk Filipina yang beragama Islam di selatan kepulauan Filipina yang cuba menuntut sebuah kuasa autonomi sendiri dari kerajaan Filipina (Manila). Pertempuran sengit lagi berpanjangan di antara tentera MNLF dengan tentera kerajaan Filipina telah menyebabkan berlakunya keadaan huru-hara, kesengsaraan dan korban jiwa penduduk Islam di selatan Filipina sehingga memaksa mereka berhijrah ke pantai timur Sabah melewati Laut Sulu untuk mendapatkan suaka politik.

Dalam Konvensyen Pelarian PBB tahun 1951, Bab 1 artikel 1 (2) menyatakan bahawa seorang pelarian adalah merujuk kepada beberapa kriteria dan ciri-ciri seperti berikut:

A person who owing to well-founded fear of being persecuted for reasons of race, religion, nationality, membership of a particular social group or political opinion, is outside the country of his nationality and is unable, or owing to such fear, is unwilling to avail himself of the protection of that country; or who, not having a nationality and being outside the country of his former habitual residence as a result of such events, is unable or, owing to such fear, is unwilling to return to it (Donnelly, 1985).

Dalam pada itu Azizah Kassim & Ubong Imang (2004:141) telah mendefinisikan pelarian sebagai seorang yang mengalami rasa ketakutan kerana wujudnya unsur-unsur penganiayaan atas sebab-sebab perkauman, keagamaan, kewarnegaraan, keahlian kepada sesebuah kumpulan sosial atau parti politik yang berasa ia menjadi warga negara atau tidak untuk atau mengalami rasa ketakutan yang sedemikian adalah bukan menjadi hasratnya untuk membebaskan negara yang memberinya perlindungan. Kehadiran

pelarian politik warga Filipina ke bumi Sabah juga telah disambut baik oleh Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia) yang pernah menjadi Setiausaha Agung pertama OIC (*Organization of Islamic Conferences*) antara tahun 1972-1973 atas dasar agama Islam (Abdullah Ahmad, 1984; dan Nair, 1997). Sementara itu, Tun Abdul Razak pula memberikan bantuan kepada para pelarian atas dasar kemanusiaan berdasarkan Konvensyen Pelarian PBB tahun 1951; dan Tun Datu Mustapha bin Datu Harun (Ketua Menteri Sabah) pula mengalu-alukan kedatangan pelarian Filipina untuk menetap sementara di negeri Sabah atas kepentingan politiknya yang sentiasa dibayangi oleh *United National Kadazan Organization* (UNKO) pimpinan Donald Stephen dan *Sabah Chinese Association* (SCA), serta sentimen “bangsa dan agamanya” sendiri (Azizah Kassim & Ubong Imang, 2004).

Selain faktor politik dan dasar para pemimpin Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah, kemasukan warga Filipina ke Sabah pada tahun 1970-an hingga kini juga didorong oleh peluang-peluang pekerjaan yang cukup terbuka luas di sektor pembalakan, perladangan, pembinaan, perikanan dan perkhidmatan (pembantu rumah) yang tidak diminati oleh warga tempatan kerana diklasifikasikan sebagai kerja-kerja 3 D, iaitu *Dangerous*, *Dirty* dan *Difficult* (Azizah Kassim, 2000 dan 2003); dan juga bersifat *demoralised* pada pandangan dan mentaliti warga tempatan. Pada masa kini, terdapat tiga kategori warga asing yang digunakan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan, Bahagian Keselamatan Negara di Jabatan Perdana Menteri untuk mengklasifikasikan warga asing Filipina, iaitu Pelarian Tanpa Izin (PTI), Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), dan Pendatang Luar Negeri (PLN). Mengenai PTI (Pelarian Tanpa Izin) pun dibahagikan kepada tiga golongan utama, iaitu: (1) PTI yang merujuk kepada semua warga Filipina yang masuk ke negara ini tanpa dokumen perjalanan yang sah atau tinggal di negeri Sabah melebihi tempoh masa yang telah ditetapkan; (2) buruh warga Filipina yang masuk secara teratur dan memiliki pas kerja dan pas lawatan untuk kerja sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Sabah, Malaysia; dan (3) pelarian perang yang datang ke negeri ini sekitar tahun 1970-an akibat pergolakan politik di selatan Filipina dan diberi Kad Kerakyatan Sementara (IMM13).

Selain berhadapan dengan pelbagai persoalan seperti kebanjiran pendatang tanpa izin, masalah penghantaran pulang, peningkatan kadar jenayah, setinggan, tekanan pihak-pihak tertentu dan sebagainya, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah juga turut berhadapan dengan satu lagi masalah besar, yakni bagaimana menangani keberadaan kanak-kanak yang datang bersama ibu bapa atau penjaga atau yang lahir di Sabah. Adalah tidak keterlaluan untuk diperkatakan bahawa kehadiran kanak-kanak warga Filipina di kawasan bandar-bandar utama di Sabah merupakan satu pemandangan biasa pada masa kini. Sepertimana juga halnya dengan warga Filipina dewasa, kehadiran mereka ini juga turut mengundang pelbagai persoalan seperti peningkatan kadar jenayah, vandalisma, mengemis, mencacatkan pemandangan bandar dan sebagainya. Selain dari itu, Kerajaan Persekutuan

dan Kerajaan Sabah juga terpaksa berhadapan dengan isu “kanak-kanak jalanan” yang semakin meningkat bilangannya dari masa ke semasa. Dari segi faktanya, isu keberadaan kanak-kanak warga Filipina ini seolah-olah lebih mudah ditangani berbanding dengan ibu bapa atau penjaga mereka atau mana-mana warga Filipina yang dikategorikan sebagai dewasa (Jalilah Md. Shah & Dzurizah Ibrahim, 2004). Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi realitinya ternyata isu kanak-kanak tersebut sebenarnya lebih sukar untuk ditangani kerana kekangan usia dan bertaraf kanak-kanak; tidak boleh dipenjarakan dari segi perundangan; tanggungjawab dan komitmen Malaysia kepada UNCHR (*United Nations on High Commissioner for Refugees*); kerumitan semasa penahanan dan penjagaan di pusat tahanan; tidak mempunyai tempat tinggal tetap; diabaikan oleh ibu bapa atau penjaga; tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri dan sebagainya; sehingga menyukarkan proses pendokumentasian dan penghantaran pulang ke negara asal.

Berdasarkan kepada peraturan yang terkandung dalam Konvensyen Hak Asasi Manusia PBB tahun 1948, *United Nations on High Commissioner for Refugees* (UNCHR), Konvensyen Pelarian PBB tahun 1951, dan Konvensyen Hak Kanak-kanak tahun 1989 nampaknya memberi kelebihan dan imuniti kepada kanak-kanak dan pada masa yang sama menjadi tanggungjawab kepada mana-mana negara untuk memberi layanan yang baik dan sama rata seperti kanak-kanak tempatan. Atas komitmen tersebut, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah telah memberikan pelbagai kemudahan persekolahan dan rawatan di hospital kerajaan kepada kanak-kanak warga Filipina di seluruh Sabah. Berdasarkan kepada rekod dan data persekolahan di Jabatan Pelajaran Sabah (Kota Kinabalu) dan temubual bersama sebilangan guru sekolah rendah (pelbagai sekolah) mendapati hampir keseluruhan kanak-kanak yang berstatus pendatang tanpa izin dan tidak memiliki sijil kelahiran akan menamatkan alam persekolahan mereka setakat darjah enam sahaja. Terdapat beberapa sebab mengapa kanak-kanak warga Filipina ini tidak mahu meneruskan persekolahan mereka ke peringkat menengah atau lebih tinggi lagi, seperti disebabkan oleh ketidakmampuan ibu bapa atau penjaga untuk membiayai kos persekolahan, menyekolahkan anak untuk cukup syarat sahaja, masalah dokumentasi seperti sijil lahir dan kad pengenalan, tiada peluang pekerjaan di sektor kerajaan kerana bertaraf warga asing, dan lain-lain lagi (Dayang Suria Hj. Mulia, 2000).

Dalam erti kata yang lain, kesedaran ibu bapa atau penjaga akan status mereka sebagai warga asing di negara orang telah mengorbankan kepentingan pendidikan dan zaman kanak-kanak mereka untuk membantu mencari sebanyak mungkin sumber pendapatan untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi sekeluarga. Oleh yang demikian, tidak hairanlah mengapa kebanyakan kanak-kanak warga asing Filipina telah memasuki ekonomi pasaran se-awal usia kanak-kanak lagi. Pada masa kini, kebanyakan kanak-kanak warga Filipina melibatkan diri secara sepenuh masa atau sambilan dalam pelbagai kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh ibu bapa atau penjaga mereka seperti dalam sektor perikanan, pertanian, perniagaan dan

perkhidmatan secara kecil-kecilan. Secara perbandingannya, penglibatan kanak-kanak warga Filipina nampaknya lebih ketara dalam sektor perikanan seperti menjadi nelayan, pemungut dan penjual ikan di pusat-pusat pendaratan ikan dan pasar awam, termasuk menawarkan pelbagai khidmat sokongan seperti mengangkat dan menyorong troli berisi ikan, menyangkan ikan, menjual beg plastik kepada orang ramai dan sebagainya.

Terdapat beberapa sebab mengapa kegiatan ekonomi berasaskan perikanan seringkali menjadi pilihan kanak-kanak seperti meneruskan pekerjaan keluarga, permintaan tinggi terhadap ikan, dan menjanjikan pendapatan yang agak lumayan, tidak memerlukan modal (pemungut ikan dan mengangkat ikan dengan tangan) atau hanya melibatkan modal yang kecil (membuat troli dan membeli beg plastik), tiada menanggung risiko kerugian, tidak terikat dengan masa dan sebagainya. Perlu juga ditegaskan di sini bahawa penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan ekonomi perikanan ini bukannya berasaskan gaji harian atau bulanan tetapi hanya berasaskan harga jualan dan upah sahaja.

PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN KANAK-KANAK FILIPINA DALAM EKONOMI PERIKANAN

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pembangunan industri perikanan di Sabah banyak bergantung kepada tenaga dari luar, yakni warga Filipina (termasuk warga Indonesia). Terdapat pelbagai pandangan mengapa hal sedemikian rupa berlaku dan jawapan termudah yang biasa diberikan ialah disebabkan oleh keengganan warga tempatan sendiri untuk berkhidmat sebagai buruh perikanan. Ini secara langsung telah menyediakan satu ruang yang cukup luas kepada warga Filipina dan Indonesia untuk berkerja sebagai buruh di sektor perikanan yang didominasi oleh pemodal Cina (Kunio, 1995; dan Galid, 1999). Perkembangan pesat dalam industri perikanan di Sabah ini bukan sahaja dikuasai oleh warga asing yang berstatus “orang dewasa” tetapi secara tidak langsung juga turut dikongsi bersama oleh kanak-kanak mereka. Dalam erti kata lain, semasa kanak-kanak tempatan Sabah sedang tidur dan lena dibuai mimpi, kanak-kanak warga Filipina ini telah terjaga dan bergelumang dengan bau hanyir ikan di pusat pendaratan ikan, pasar ikan, kilang pemrosesan ikan untuk menyumbangkan tenaga sebagai “budak pemungut, pengangkat dan penjual ikan”. Pada sebelah petang dan malam hari, kanak-kanak ini akan beraksi semula di gerai-gerai menjual ikan sebagai “budak beg plastik” dan menawarkan khidmat mengangkat barangan.

Satu hakikat yang harus diterima dan diakui oleh para pengkaji dan penulis terdahulu dalam bidang industri perikanan di Sabah ialah jarang menonjolkan penglibatan, peranan dan sumbangan kanak-kanak sebagai sebahagian daripada penggerak utama dalam ekonomi perikanan. Keberadaan dan aksi mereka sama ada di laut, di pusat-pusat pendaratan ikan, di pasar ikan dan di pasar malam seolah-olah dinafikan dan tidak mempunyai erti dan nilai ekonomi. Oleh itu, tidak hairanlah mengapa kebanyakan kajian dan penulisan yang membicarakan persoalan guna tenaga dalam sektor perikanan seringkali

mengabaikan peranan kanak-kanak dalam perbincangan mereka. Walaupun penglibatan, peranan dan sumbangan kanak-kanak dalam industri perikanan tidaklah begitu menonjol jika dibandingkan dengan orang dewasa, namun keberadaan mereka sama ada secara langsung atau tidak langsung tetap mempunyai erti yang besar dalam industri perikanan di negeri ini (cf. Mohammad Raduan Mohd. Ariff, 1995; dan Norasma Dacho & Alvin Wong Tsun Vui, 1999). Ada kalanya penglibatan kanak-kanak ini dalam ekonomi perikanan jauh lebih luas dan melangkaui penglibatan orang dewasa seperti menawarkan khidmat mengangkat ikan dan menjual beg plastik kepada orang awam yang membeli ikan di pasar ikan dan pasar malam. Secara amnya, penglibatan, peranan dan sumbangan kanak-kanak warga Filipina dalam ekonomi berasaskan perikanan dapat dijejaki dalam pelbagai cabang ekonomi perikanan seperti menjadi nelayan, pemungut ikan di pusat-pusat pendaratan, penjual ikan, menyangkan ikan, mengangkat air batu, menawarkan khidmat mengangkat ikan, penjual beg plastik dan sebagainya.

A. MENANGKAP IKAN DI LAUT (NELAYAN)

Pengeksploitasian sumber maritim, terutamanya aktiviti menangkap ikan dan lain-lain hasil laut, begitu sinonim dengan warga Filipina dan menjanjikan pulangan dan pendapatan yang lumayan untuk menyara kehidupan seharian mereka. Dari segi sejarahnya, penglibatan dan keunggulan warga Filipina dalam aktiviti perikanan di perairan Sabah memang tidak dapat disangkal lagi. Bermula sebagai hamba yang mendayung perahu dan menjadi pemungut dan penyelam hasil-hasil laut semasa pemerintahan Kesultana Sulu, tradisi menjadi nelayan ini terus menjadi budaya dan pekerjaan utama warga Filipina di negeri ini sehingga kini (Tregonning, 1965). Selain dari itu, pendidikan yang dimiliki oleh kanak-kanak warga Filipina ini jua tidak membawa makna disebabkan status mereka sebagai pendatang di negara asing. Oleh yang demikian, tidak hairanlah apabila ibu bapa atau penjaga turut menurunkan pekerjaan tradisi sebagai nelayan kepada anak-anak mereka.

Biasanya kanak-kanak ini akan didedahkan terlebih dahulu dengan pelbagai kemahiran asas dalam ilmu kelautan dan menangkap ikan seperti diajar berenang, memahami keadaan awan, mengharungi laut bergelora dan air pasang surut, pergerakan ikan, membantu menyiapkan perkakas menangkap ikan, mendayung dan mengendalikan bot injin sangkut atau injin dalam (*pump-boat*), memotong umpan, membuka ikan-ikan yang tersangkut pada pukat, menyejukan ikan-ikan dengan air batu, dan sebagainya (Ismail Ali, 2007). Semua ilmu kelautan dan kemahiran menangkap ikan yang diperturunkan oleh ibu bapa atau penjaga akan dijadikan panduan apabila kanak-kanak tersebut mencapai umur dewasa dan mengambil alih pekerjaan sebagai nelayan daripada generasi tua.

Foto 1: Kanak-kanak Menangkap Ikan

B. MEMUNGUT HASIL-HASIL LAUT DI PUSAT-PUSAT PENDARATAN IKAN

Kehadiran kanak-kanak warga Filipina di pusat-pusat pendaratan untuk memungut dan menawarkan khidmat mengangkat ikan merupakan satu pemandangan yang biasa di mana-mana jeti pendaratan ikan utama di seluruh negeri Sabah. Selain mengikut ibu bapa, saudara mara yang terlibat secara langsung aktiviti pemungguan dan pemasaran ikan di pusat pendaratan ikan atau datang secara bersendirian tanpa ditemani oleh sesiapa, kanak-kanak ini biasanya akan mengambil kesempatan untuk memungut ikan-ikan kecil yang dikategorikan sebagai “ikan buangan” di atas lantai bot dan pusat pendaratan ikan untuk dijual kepada orang ramai yang datang untuk membeli ikan pada awal pagi. Biasanya, kanak-kanak ini akan tiba bersama ibu bapa, saudara mara atau datang secara bersendirian ke pusat pendaratan se-awal jam dua pagi lagi untuk menunggu ketibaan bot pukut jerut, bot pukut tunda dan bot pukut udang, termasuk bot-bot kecil yang menggunakan injin sangkut dan akan terus berada di jeti pendaratan sehingga sekitar jam 7:00 pagi. Antara spesis ikan yang selalu dikutip adalah terdiri daripada pelbagai jenis ikan pelagik, seperti ikan basung, ikan lumahan, ikan uji rashid, ikan tamban, ikan pari, sotong kecil, ketam dan lain-lain ikan kecil yang bersepah di atas bot atau jeti pendaratan sewaktu aktiviti pemungguan hasil-hasil laut dijalankan.

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan di pusat pendaratan ikan di Kota Kinabalu dan Tawau mendapati kanak-kanak ini begitu cekal dan gigih serta tidak memperdulikan teguran, termasuk dimaki oleh tauke atau pemilik bot (Cina) kerana mengganggu kelancaran aktiviti pemungguan ikan. Berdasarkan kepada pemerhatian dan temubual bersama-sama kanak-

Foto 2: Kanak-kanak sedang memuatkan ikan ke dalam beg plastik untuk dijual kepada orang ramai



kanak tersebut mendapati setiap seorang kanak-kanak ini mampu memungut dan mengumpul ikan antara 2 hingga 3 kilogram pelbagai jenis ikan pada setiap kali operasinya menggunakan bekas tong cat atau plastik beg. Sebaik sahaja aktiviti pengumpulan ikan selesai, kanak-kanak ini akan mengasingkan ikan-ikan mengikut spesis dan gred ikan dan dimasukkan ke dalam beg plastik untuk dijual kepada orang ramai di jeti pendaratan atau pasar ikan awam secara bergerak (*mobile*) pada waktu siang hari. Daripada segi harga bergantung kepada kuantiti dan gred yang ditawarkan dan secara relatifnya adalah jauh lebih murah daripada harga pasaran biasa. Contohnya, satu beg plastik berisi ikan basung dalam lingkungan berat antara 800 gram hingga 1.3 kilogram akan dijual pada harga antara RM1.00 hingga RM2.00 sahaja.

Purata pendapatan kanak-kanak ini dalam sehari ialah dalam lingkungan RM10.00 hingga RM30.00 dan mampu meraih antara RM300.00 hingga RM600.00 sebulan tanpa mengeluarkan kos yang cukup besar sepertimana yang terpaksa ditanggung oleh pemilik bot ikan dan peniaga ikan lain. Kajian ini juga mendapati ada di antara kanak-kanak yang menjual ikan ini telah mula memahami dan mempraktikkan selok-belok penipuan dalam perniagaan ikan. Antaranya taktik kotor atau penipuan yang digunakan termasuklah meletakkan ikan yang bersaiz lebih besar dan segar di bahagian atas dan

sebaliknya ikan yang bersaiz kecil di bahagian bawah plastik; memasukan ketulan air batu di bahagian dalam timbunan ikan agar menjadi berat, dan lain-lain lagi. Selain itu ada juga di antara kanak-kanak ini menggunakan unsur-unsur psikologi untuk mempengaruhi orang ramai untuk membeli ikan mereka, seperti membawa adik yang masih kecil lagi tidak terurus; menyatakan tiada wang untuk membeli beras; keluarga sakit; dan sebagainya.

C. MENGANGKAT DAN MENYORONG IKAN DI PUSAT PENDARATAN IKAN

Selain memungut ikan-ikan buangan untuk dijual semula, kanak-kanak ini juga turut menawarkan perkhidmatan mengangkat ikan menggunakan bekas plastik ikan milik pemodal, pemborong dan penjual ikan untuk diangkut dan dimuatkan ke dalam lori atau ke pasar ikan. Secara puratanya, sebuah bekas plastik boleh memuatkan dan menampung berat sehingga 40 – 50 kilogram ikan setiap satu. Sebaik sahaja ikan siap dipunggah sepenuhnya oleh anak-anak kapal dan dimasukkan ke dalam bekas plastik untuk ditimbang dan digredkan, maka bermulalah tugas kanak-kanak ini untuk mencari pelanggan yang memerlukan perkhidmatan mengangkut ikan-ikan dari jeti ke kenderaan atau ke pasar ikan. Untuk membina sebuah kereta sorong yang diperbuat daripada kayu memerlukan kos sekitar RM20.00 hingga RM30.00, iaitu membeli 4 buah roda dan paku di kedai *hardware* sama ada dibiayai sendiri oleh kanak-kanak tersebut atau dibiayai sepenuhnya oleh keluarga mereka. Sementara itu kepingan papan untuk membina badan kereta sorong pula diperolehi daripada papan buangan yang boleh diperolehi di kawasan persekitaran. Ada juga di antara kanak-kanak tersebut yang tidak memiliki kereta sorong sendiri tetapi meminjam kereta sorong milik ibu bapa atau penjual ikan sahaja.

Foto 3: Pengkaji bersama seorang kanak-kanak yang sedang menyorong bekas tong plastik berisi ikan



Dari segi upah yang diterima oleh kanak-kanak bagi setiap perkhidmatan ini tidak menentu dan bergantung kepada siapa dan simpati pelanggannya. Biasanya upah yang diterima bagi setiap perkhidmatan ialah di antara RM1.00 hingga RM3.00 dengan purata pendapatan RM20.00 sehari dan dalam lingkungan RM300.00 hingga RM500.00 sebulan. Secara perbandingannya, jumlah pendapatan kanak-kanak ini adalah hampir setara dengan jumlah pendapatan buruh atau pekerja di lain-lain sektor perkhidmatan seperti pelayan kedai kopi, pembantu kedai dan pasaraya, buruh pembinaan dan pertanian, pemandu lori dan lain-lain lagi.

D. MEMBANTU MENJUAL IKAN DI PASAR IKAN

Penglibatan kanak-kanak warga Filipina bukan sahaja terhad sebagai penangkap ikan di laut dan pemungut serta mengangkat ikan di pusat-pusat pendaratan ikan tetapi juga melibatkan diri sebagai pembantu menjual ikan di pasar-pasar awam di seluruh negeri Sabah. Walaupun dalam Akta Umur Dewasa tahun 1971, Akta Kanak-kanak tahun 1947 (dipinda tahun 1980), Akta Perlindungan Kanak-kanak tahun 1991 (Akta 468), Akta Kanak-kanak dan Orang Dewasa (Pekerjaan) tahun 1966, Ordinan Buruh Sabah (Bab 67), Konvensyen 182 Pertubuhan Buruh Antarabangsa tahun 1999, Konvensyen Perhambaan tahun 1926 dan 1956, Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Terhadap Kanak-kanak tahun 1989, Konvensyen Hak Kanak-kanak dan lain-lain lagi ada menyentuh tentang persoalan larangan penggunaan kanak-kanak di bawah umur dalam sebarang aktiviti ekonomi (Melton, 1991),

Foto 4: Seorang kanak-kanak sedang mengambil ikan dari tong penyimpanan ikan



namun dalam kes kanak-kanak warga Filipina di negeri Sabah nampaknya seolah-olah terkecuali daripada perundangan tersebut. Ini disebabkan penglibatan kanak-kanak warga Filipina dalam industri perikanan sukar untuk diklasifikasikan sebagai suatu “paksaan” tetapi sebaliknya ditafsirkan sebagai suatu tugas anak untuk membantu ibu bapa atau penjaga atau membuat kerja sambil mengikut masa sendiri untuk mendapatkan upah dalam bentuk wang Ringgit atau dalam bentuk ikan atau ditanggung makan minum sahaja oleh pemilik meja ikan.

Selain menjadi pembantu menjual ikan, kanak-kanak ini juga turut menjalankan kerja-kerja seperti menyangkan ikan, memunggah dan mengangkat ikan dari peti simpanan ikan ke meja ikan, mengangkat air masin, “mengaiskan” ikan menggunakan air batu, membersihkan dan membuang sisa-sisa ikan, dan sebagainya. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dijalankan di pasar-pasar ikan di Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Kunak, Semporna, Kudat dan Lahad Datu mendapati bahawa penglibatan kanak-kanak ini di pasar-pasar ikan bukanlah sepenuh masa, yakni dari pagi hingga petang, tetapi hanya pada waktu pagi hingga tengah hari sahaja.

E. MENJUAL BEG PLASTIK

Penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti yang berkaitan dengan ekonomi perikanan bukan sahaja terbatas di pusat pendaratan ikan tetapi juga boleh dilihat di kawasan menjual ikan atau lebih dikenali dengan panggilan “gerai malam”. Pasar malam ini biasanya akan beroperasi sekitar jam 5:00 petang hingga jam 10:00 malam dan merupakan sebuah tempat yang menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli keperluan ikan dan sayur kerana kesibukan kerja pada siang hari dan harga yang ditawarkan juga lebih murah berbanding harga ikan dan sayur di pasar besar. Di pasar malam ini kanak-kanak yang terlibat bukan sahaja dimonopoli oleh kanak-kanak lelaki tetapi juga melibatkan kanak-kanak perempuan. Selain dari itu, jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh kanak-kanak lelaki dan perempuan di pasar malam juga berbeza dengan perkhidmatan yang ditawarkan di jeti pendaratan ikan, iaitu menjual beg plastik dan menawarkan khidmat mengangkat barang-barang menggunakan tangan kepada orang ramai.

Biasanya, kanak-kanak ini akan mendapatkan bekalan beg plastik secara pukal daripada kedai borong secara tunai. Daripada segi harga jualan untuk satu beg plastik adalah tertakluk kepada saiz dan kualiti beg plastik itu sendiri, iaitu RM0.10 Sen bagi beg plastik sederhana dan RM0.20 Sen bagi beg plastik bersaiz besar. Selain membeli beg plastik di kedai borong, kanak-kanak ini juga mendapatkan beg plastik terbuang di persekitaran pasar atau dari tempat pembuangan sampah. Dari segi pendapatan yang diterima oleh kanak-kanak ini hasil daripada penjualan beg plastik dan perkhidmatan mengangkat barang ialah di antara RM5.00 hingga RM10.00 sehari dan dalam lingkungan RM150.00 hingga RM300.00 sebulan.

Foto 5: Wajah kanak-kanak penjual beg plastik di pasar ikan



Berdasarkan kepada pemerhatian dan pengamatan oleh pengkaji di pasar malam di Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Kunak, Lahad Datu dan Semporna mendapati wujudnya satu bentuk kesepakatan dan kerjasama yang diberikan oleh para penjual ikan kepada kanak-kanak yang menjual beg plastik. Ini dapat dilihat melalui tindak-tanduk para penjual ikan yang sengaja menggunakan satu beg plastik untuk memuatkan ikan-ikan yang dibeli oleh pelanggan dan membiarkan pelanggan membeli beg plastik lain daripada kanak-kanak untuk memastikan beg plastik yang pertama tadi tidak bocor dan sebagainya. Aktiviti penjualan beg plastik dan perkhidmatan mengangkat barang di pasar malam Filipina juga seringkali dibayangi dengan insiden pergaduhan di kalangan kanak-kanak ini sendiri. Biasanya pergaduhan ini timbul apabila mereka berebut-rebut sesama sendiri untuk menjual beg plastik atau menawarkan khidmat mengangkat barang.

ISU DAN PERSOALAN

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelumnya, kajian ini cuba menganalisis sejauh mana penglibatan kanak-kanak warga Filipina di dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan sesuai dilabelkan sebagai “buruh”, yakni menyamakan status mereka seperti buruh-buruh yang ada di pasaran kerja dan sejauh mana ianya boleh ditafsirkan sama ada sebagai satu perbuatan penganiayaan, pengabaian hak, peminggiran mahupun sebagai satu bentuk jenayah penderaan baru lagi bersistematik oleh keluarga atau majikan mereka

sepertimana yang seringkali ditafsir oleh para pengkaji sebelum ini (cf. Alwiyah Hj. Abdul Rahman, 2003; dan Jalilah Md. Shah & Dzurizah Ibrahim, 2005). Oleh yang demikian segala analisis, perbincangan dan rumusan yang dibuat oleh saya bukanlah untuk menyalahkan dan lebih jauh lagi menghukum mana-mana pandangan dan hasil kajian yang telah dijalankan oleh penulis sebelum ini dari perspektif, bidang dan ruang lingkup masing-masing. Oleh itu saya mensyorkan beberapa soalan kritikal seperti berikut ini.

Pertama, Sejauhmana Kesesuaian Penggunaan Istilah “Buruh” kepada Kanak-anak? Berdasarkan kepada kajian ini mendapati bahawa penggunaan istilah “buruh” terhadap kanak-kanak tersebut bercanggah dengan konsep atau istilah buruh yang diterimapakai oleh Ordinan Buruh Negeri Sabah yang tidak pernah melabelkan dan mengklasifikasikan kanak-kanak tersebut sebagai buruh tetapi hanya menyebutnya sebagai kanak-kanak sahaja dan tidak dikategorikan sebagai sebahagian daripada sumber tenaga dalam ekonomi perburuhan. Walaupun dalam Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) pindaan pada 10 Febuari 2005 dalam Bab 11 Seksyen 72 ada memperincikan bentuk-bentuk larangan berhubung penggajian kanak-kanak, namun istilah “penggajian” tersebut adalah merujuk kepada kanak-kanak warga negara Malaysia sahaja yang menerima upah dalam bentuk gaji harian dan bulanan, sedangkan kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan bukan warga negara Malaysia dan tidak menerima gaji atau upah dalam bentuk sedemikian rupa.

Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kanak-kanak tersebut tidak pernah mengikat perjanjian dengan pelanggan berhubung bentuk dan jumlah bayaran yang diterima. Dalam erti kata lain, jumlah pendapatan yang mereka terima bukanlah dalam bentuk “gaji” tetapi hanya menerima “upah” berdasarkan konsep “tolong” dan rasa kemanusiaan pelanggan sendiri. Hasil daripada temubual pengkaji bersama kanak-kanak ini juga mendapati bahawa mereka tidak pernah menganggap diri mereka sebagai buruh tetapi hanya menganggap diri mereka sebagai sebahagian daripada proses perekonomian tersebut. Temubual juga mendapati kebanyakan kanak-kanak ini merasa bangga melakukan kerja-kerja tersebut daripada menjadi peminta sedekah di jalanan. Bertitik tolak daripada konsep atau istilah buruh yang diterimapakai oleh Ordinan Buruh Negeri Sabah dan pandangan daripada kanak-kanak ini sendiri membayangkan bahawa tindakan sesetengah pihak yang melabelkan dan mengidentifikasikan kanak-kanak ini sebagai “buruh” secara tidak disadari adalah suatu perbuatan penganiayaan dan bukannya pembelaan (Anisah Che Ngah, 2002).

Kedua, Sejauhmana Penglibatan Kanak-kanak ini Merupakan Satu Penganiayaan dan Penderaan? Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kehadiran ratusan kanak-kanak warga Filipina dalam pelbagai peringkat usia dan berlegar-legar di sekitar bandaraya Kota Kinabalu dan lain-lain bandar utama di Sabah bukanlah merupakan satu pemandangan dan kejutan kepada penduduk tetap di negeri ini kerana fenomena ini telah wujud sebelum Sabah

mencapai kemerdekaan lagi dan semakin jelas pada masa kini. Lebih jauh dari itu lagi, orang ramai biasanya berasa simpati termasuk emosi dengan keadaan ini, termasuk melontarkan pelbagai spekulasi dan tafsiran seperti teraniaya, terabai, dipinggirkan dan didera oleh keluarga atau penjaga mereka. Justeru itu, timbul beberapa persoalan seperti sejauhmana benarnya spekulasi dan tafsiran tersebut pada kanak-kanak berkenaan. Apakah mereka berpandangan bahawa diri mereka teraniaya, terabai, dipinggirkan dan didera oleh keluarga atau penjaga mereka? Dan mengapakah kanak-kanak kita (di Malaysia) yang ditawarkan menjadi pelakon atau model untuk tujuan iklan atau media lain tidak dianggap mereka teraniaya, terabai, dipinggirkan dan didera oleh keluarga atau penjaga mereka? Atau apakah perbezaan kerja antara kanak-kanak kita (di Malaysia) dengan warga asing (Filipina atau Indonesia) menjadikan kita mentafsirkannya sedemikian rupa?

Berdasarkan kepada temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji bersama sebilangan besar kanak-kanak ini mendapati bahawa tiada seorang pun daripada mereka yang merasa diri mereka teraniaya atau didera oleh ibu bapa atau penjaga untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Menurut kanak-kanak tersebut, hanya kerja sedemikian rupa sahaja yang boleh mereka perolehi dan melakukannya atas kehendak dan inisiatif mereka sendiri dan secara kebetulan ibu bapa atau penjaga mereka terlibat dalam aktiviti ekonomi tersebut. Bahkan kanak-kanak ini berasa seronok apabila dapat meraih pendapatan antara RM300 hingga RM500 sebulan. Bagi kanak-kanak ini, jumlah pendapatan tersebut sebenarnya lebih daripada mencukupi untuk belanja sehariannya dan boleh menampung perbelanjaan keluarga. Oleh yang demikian, tidak menjadi hairan apabila kanak-kanak ini mampu membeli dan memiliki aksesori peribadi seperti jam tangan dan telefon bimbit yang berjenama.

Mengapakah timbulnya tafsiran tersebut? Berdasarkan kepada kajian ini mendapati bahawa tuduhan berlakunya penganiayaan, pengabaian, peminggiran dan penderaan oleh mana-mana individu berlaku kerana melihat kanak-kanak tersebut dari belakang tabir dan kaca mata diri sendiri dan berdasarkan fakta perbandingan dengan anak sendiri atau orang lain sahaja, tetapi tidak melihat dan menilainya dari perspektif atau kaca mata sebenar kanak-kanak itu sendiri dan realiti kehidupannya sebagai kanak-kanak warga asing yang menumpang ihsan di bumi asing (Sabah).

Mungkin di atas kesedaran siapa diri mereka yang sebenar dan berpijak di bumi nyata serta menghayati pepatah Melayu yang berbunyi “ukur baju di badan sendiri” maka isu penganiayaan, pengabaian, peminggiran dan penderaan tidak harus timbul dan harus diketepikan dalam hidup mereka. Sedangkan masyarakat melihat dan menganggap kanak-kanak warga asing yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan ini sebagai teraniaya dan terdera oleh ibu bapa atau penjaga, masyarakat di negeri Sabah khasnya dan Malaysia amnya telah dikejutkan dengan laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM) yang mendakwa seramai 43 orang kanak-kanak warga asing yang ditangkap oleh pihak berkuasa dan

Foto 6: Manakah kanak-kanak yang teraniaya, terabai, dipinggirkan dan didera oleh keluarga: budak selaku pelakon dan model iklan pada media massa atau budak selaku penyorong bekas tong plastik berisi ikan?



ditempatkan di Pusat Tahanan Sementara (PTS) di Menggatal telah teraniaya kerana ditempatkan bersama dengan tahanan dewasa. SUHAKAM yang diwakili oleh Prof. Dato' Hj. Mohd. Hamdan Adnan (Pengerusi SUHAKAM) melihatnya sebagai satu pelanggaran Undang-Undang dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC, *Children Right Convention*) seperti dalam Artikel 22 yang menuntut mana-mana negara dikehendaki memberi hak dan perlindungan istimewa kepada tahanan kanak-kanak tersebut. Selain itu tindakan melabelkan kanak-kanak ini sebagai "buruh" sebenarnya juga merupakan satu penganiayaan kepada kanak-kanak ini.

Ketiga, Sejauhmana Penglibatan Kanak-kanak ini Boleh Dianggap sebagai Pengabaian Hak Kanak-kanak? Selain menganggap kanak-kanak ini teraniaya dan didera, isu pengabaian hak sebagai seorang kanak-kanak ini dari segi pendidikan dan menikmati alam kanak-kanak mereka seperti yang dilakukan oleh kanak-kanak yang lain juga seringkali menjadi bahan perbualan masyarakat. Persoalannya di sini ialah apakah kanak-kanak ini tidak diberi peluang untuk bersekolah oleh ibu bapa atau penjaga dan Jabatan Pelajaran Sabah? Berdasarkan kepada kajian ini mendapati sebahagian besar daripada kanak-kanak ini pernah bersekolah tetapi enggan meneruskannya sehingga tamat darjah enam. Hasil daripada temubual pengkaji bersama ibu bapa atau penjaga dan kanak-kanak tersebut mendapati kanak-kanak tersebut enggan ke sekolah atau berhenti di setengah jalan bukan disebabkan oleh faktor kemiskinan, kerana semuanya disediakan secara percuma oleh Jabatan Pelajaran Sabah dengan kerjasama UNCHR, tetapi di atas kesedaran bahawa pendidikan tidak membawa makna apa-apa dan mengubah nasib mereka kerana

tidak akan berpeluang untuk berkhidmat di sektor kerajaan disebabkan status mereka sebagai pendatang.

Oleh yang demikian timbul satu bentuk konflik dan dilema dalam diri keluarga dan kanak-kanak tersebut, sama ada mengutamakan pendidikan yang tidak pernah menjanjikan apa-apa pekerjaan atau sebaliknya, yakni berkerja untuk menampung diri sendiri dan keluarga. Selain dari itu, isu pengabaian alam kanak-kanak ini juga tidak timbul kerana walaupun mereka melibatkan dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan namun pada masa yang sama mereka juga bermain dan berhibur sesama sendiri mengikut cara dan gaya mereka tersendiri.

Dan akhir sekali, *keempat*, **Sejauhmana Kanak-kanak ini Boleh Dijadikan Contoh dan Tauladan kepada Kanak-kanak Tempatan?** Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, semasa kanak-kanak tempatan di negeri Sabah lagi dibuai mimpi, kanak-kanak warga Filipina telah bangkit dari tidur seawal jam 3:00 pagi dan bergelumang dengan bau hanyir ikan untuk mencari rezeki. Apa yang menarik di sini ialah walaupun dikategorikan sebagai kanak-kanak di bawah umur dan belum lagi boleh memasuki pasaran buruh, namun sikap dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh mereka untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga tidak sepatutnya dipandang rendah atau dipandang serong tetapi sebaliknya harus disanjung dan dihargai serta boleh dijadikan contoh dan iktibar kepada kanak-kanak tempatan. Melihat kepada permasalahan sosial kanak-kanak tempatan pada masa kini, maka sudah tiba masanya tanggapan dan mentaliti yang menganggap kanak-kanak warga Filipina (dan juga Indonesia) ini sebagai "insan atau manusia kelas kedua" harus diubah.

KESIMPULAN

Sepertimana telah dijelaskan sebelumnya, kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana penglibatan kanak-kanak warga asing di negeri Sabah dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan dianggap dan ditafsirkan sebagai satu bentuk jenayah kemanusiaan yang diterjemahkan sebagai penganiayaan, penderaan, pengabaian hak kanak-kanak dan sebagainya. Secara zahirnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa penglibatan mereka dalam dunia pekerjaan pada usia yang terlalu muda dan gaya penampilan mereka yang bersahaja pastinya akan mewujudkan rasa terharu dan simpati apabila melihat fenomena ini dan mengharapkan keadaan ini tidak akan berlaku kepada kanak-kanak kita di Malaysia. Pandangan sedemikian rupa biasanya timbul apabila kita melihat dan menilai kanak-kanak ini hanya dari perspektif dan kaca mata kita sendiri dan enggan menerima realiti hidup sebagai seorang individu yang bergelar "pendatang" di bumi orang. Apa yang jelas di sini kita tidak boleh meniadakan keadaan ini dan terus menganggap mereka sebagai teraniaya, terabai, terdera dan terpinggir. Sekiranya ini berlaku, bermakna kita menolak realiti sebenar tentang apa yang berlaku kepada kanak-kanak di seluruh dunia pada masa kini.

Berdasarkan kepada isu dan persoalan yang telah dibincangkan di atas, maka tindakan melabelkan kanak-kanak warga Filipina yang bergiat aktif dalam ekonomi perikanan sebagai buruh, didera, dianiaya, diabaikan hak sebagai kanak-kanak dan lain-lain lagi harus dikaji semula. Dalam erti kata lain, istilah buruh kanak-kanak yang diamalkan oleh lain-lain negara tidak seharusnya diambil, diterjemah dan digunakan sepenuhnya apabila membincangkan penglibatan kanak-kanak dalam industri perikanan di Sabah. Walaupun pada hakikatnya pelakunya adalah kanak-kanak, namun penglibatan kanak-kanak warga Filipina dalam industri perikanan dari segi sejarah kewujudannya, bentuk dan amalan perundangan, status pekerjaan (tetap atau sambilan), hubungan di antara majikan dan pekerja, pendapatan (gaji atau upah) dan lain-lain lagi adalah berbeza dengan pengalaman negara lain. Walaupun dari faktanya bahawa kanak-kanak warga Filipina ini bertaraf PTI (Pendatang Tanpa Izin) atau pelarian politik, melakukan pekerjaan seperti seorang buruh, penampilan dan perwatakan yang jauh berbeza dengan kanak-kanak tempatan, namun perkara-perkara di atas seharusnya tidak dijadikan sebagai penandaarasan (*benchmarking*) untuk melabelkan kanak-kanak tersebut sebagai buruh, didera, dianiaya, diabaikan hak dan sebagainya. Dalam erti kata lain, pentafsiran dan tuduhan tersebut seharusnya tidak timbul jika masyarakat memahami perbezaan antara fakta dan realiti kehidupan sebagai orang asing di negara orang lain dan melihat penglibatan kanak-kanak tersebut dari kaca mata kanak-kanak itu sendiri dan bukannya dari kaca mata kita.

Dalam membicarakan soal ini, pertimbangan dan penilaian secara terbuka lagi objektif serta berasaskan kepada realiti hidup yang sebenar harus diterima oleh semua pihak, yakni tidak hanya berasaskan kepada fakta dan dipengaruhi oleh emosi sahaja. Dalam erti kata lain, tindakan merestui penglibatan kanak-kanak ini dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan haruslah dilihat sebagai satu pengadil moral (*moral judgement*) yang kena pada tempat dan ruangnya (Qasim Ahmad, 2004:126-143; dan Ishak bin Saat, 2005:92-115); dan jauh sekali melihatnya sebagai satu bentuk hukuman yang sepatutnya diterima oleh kepada kanak-kanak ini. Namun demikian, pihak berkuasa tempatan hendaklah memantau kanak-kanak ini dari masa ke semasa agar tidak berlakunya penyalahgunaan sehingga membawa kepada penganiayaan, penderaan dan pengabaian hak yang sebenar. Justeru itu kehadiran, penglibatan dan kegigihan yang mereka tunjukkan dalam aktiviti ekonomi berasaskan perikanan atau lain-lain aktiviti ekonomi di Sabah harus diiktiraf dan dilihat sebagai satu kanak-kanak yang cukup istimewa di atas sumbangan dan pengajaran serta tauladan yang cukup berguna untuk dihayati oleh generasi masa kini dan yang akan datang, dan bukannya dipandang serong sepanjang masa.

Bibliografi

- Abdullah Ahmad. (1984). "Tengku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy, 1963-1970". *Unpublished Thesis Degree of M. Litt.* Cambridge: University of Cambridge.
- Alwiyah Hj. Abdul Rahman. (2003). *Jenayah Kanak-kanak Menurut Undang-Undang Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anisah Che Ngah. (2002). *Penganiayaan Kanak-kanak: Satu Kajian Sosio-Perundangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Kassim. (2000). "Pendatang Tanpa Izin di Malaysia: Satu Tinjauan tentang Isu dan Masalahnya". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Bengkel Pendatang Tanpa Izin di Sabah, anjuran Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Azizah Kassim. (2003). "Illegal Immigrants in Sabah: Their Metamorphosis and Survival Strategies". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Symposium Dynamics of Border Societies in Southeast Asia, anjuran Institute for Language and Culture for Asia and Africa (ILCCA), Tokyo, 10-12 Disember.
- Azizah Kassim & Ubong Imang. (2004). "Orang Pelarian di Sabah: Status dan Prospek". *Kertas kerja* dibentangkan dalam seminar States Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah, anjuran Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Bakan. (1971). *An Introduction to the History of Abuse*. London: Longman.
- Corradini, L. (2001). "Children in Chains" dalam *UNESCO Courier*, Vol.54, Issue 6.
- Dayang Suria Hj. Mulia. (2000). "Pekerja Asing di Sabah: Isu dan Perspektif" dalam Dzurizah Ibrahim, Balakrishnan Parasuraman & Rosazman Hussin [eds.]. *Hubungan Industri dan Sumber Manusia: Isu dan Perspektif*. Kota Kinabalu: Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Donnelly, J. (1985). *The Concept of Human Rights*. London: Croom Helm Ltd.
- Dzurizah Ibrahim & Jaliyah Md. Shah. (2004). "Buruh Kanak-kanak Asing di Bandaraya Kota Kinabalu: Dilema antara Tuntutan Kemanusiaan dan Pembangunan Bandar" dalam *Prosiding Simposium Kebangsaan Dinamika Masyarakat Bandar*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 18-19 Mei.
- Dzurizah Ibrahim & Jaliyah Md. Shah. (2005). "Pola Sosio-Ekonomi Buruh Kanak-kanak di Sabah: Satu Perbandingan Aspirasi" dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Sosio-Ekonomi dan IT Ke-2*. Kedah: Universiti Utara Malaysia, 11-12 Ogos.
- Galid, Ryner Stuel. (1999). "Investment Prospects and Potential in the Fisheries Sector in Sabah". *Kertas kerja* dibentangkan dalam seminar Enhancing Indigenous Capabilities in the Marine-Based Food Industry, anjuran Institute for Development Studies, Tawau, Sabah, 29-30 Jun.
- ILO [International Labor Organization]. (2004). *Report of ILO*. Bangkok, Thailand: ILO.
- Ishak bin Saat. (2005). "Pengadilan Moral dalam Penulisan Sejarah" dalam *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn.Bhd.
- Ismail Ali. (2006). *Penyalahgunaan Bahan Letupan dalam Industri Perikanan di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Ismail Ali. (2007). *Pembangunan Industri Hiliran Berasaskan Perikanan di Sabah* (Kota Kinabalu: Penerbit UMS).
- Jabatan Buruh Sabah. (t.t.). *Ordinan Buruh (Sabah Bah 67)*. Kota Kinabalu: Jabatan Buruh Sabah.
- Jaliyah Md. Shah & Dzurizah Ibrahim. (2004). "Buruh Kanak-kanak di Kawasan Luar Bandar: Kajian Kes di Kundasang, Sabah". *Kertas kerja* dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM], Bangi, 14-16 Disember.

- Jalilah Md. Shah & Dzurizah Ibrahim. (2005). "Buruh Kanak-kanak Perempuan di Pantai Barat Sabah: Profil dan Isu". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Sosioekonomi dan IT ke-3. Kedah: Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos.
- Jomo, K.S. (1992). *Childs Labour in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute for Advanced Studies UM [Universiti of Malaya].
- Kerajaan Malaysia. (1991). *Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) di Bawah Seksyen 2 (1)*. Kuala Lumpur: t.p.
- Kunio, Yoshihara. (1995). *Kemunculan Kapitalisme Tiruan di Asia Tenggara*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Business Information Press.
- Melton, Gary B. (1991). "Preserving the Dignity of Children Around the World: The United Nation Convention on the Rights of the Child" dalam *Journal of Child Abuse & Neglect*, Vol.15.
- Mohammad Raduan Mohd. Ariff. (1995). *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara (1750-1990)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nair, Shanti. (1997). *Islam in Malaysian Foreign Policy*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.
- Norasma Dacho & Alvin Wong Tsun Vui. (1999). "Marketing and Export of Marine-Based Food Products". *Kertas kerja* dibentangkan dalam seminar Enhancing Indigenous Capabilities in the Marine-Based Food Industry, anjuran Institute for Development Studies, Tawau, Sabah, 29-30 Jun.
- Qasim Ahmad. (2004). "Pengadilan Moral dalam Sejarah: Kes Nazi di Jerman" dalam *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi kedua.
- Rahardjo, M. Dawam [ed.]. (1987). *Kapitalisme: Dulu dan Sekarang*. Jakarta: Penerbit LP3ES.
- Rencana "Global Movement for Children" dalam *New Straits Times*. Kuala Lumpur: 26 Ogos 2001.
- Sabine, George H. & Thomas L. Thorson. (1973). *A History of Political Theory*. Hinsdale, Illinois: Dryden Press, edisi ke-4.
- Steele, B. & C. Pollock. (1974). *The Battered Child*. USA: University of Chicago Press.
- Suhaimi Sainan. (2000). "Peranan dan Permasalahan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dalam Menangani Isu Pendatang Tanpa Izin/Asing di Sabah". *Kertas kerja* dibentangkan dalam Bengkel Pendatang Asing/Pendatang Tanpa Izin di Sabah, anjuran Sekolah Sains Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah], 8-9 Ogos.
- Suwirta, Andi. (2005). "Kebebasan Individu dan Pembentukan Negara dalam Pandangan Hobbes, Locke dan Rosseau" dalam *Sejarah Intelektual: Percikan Pemikiran dari Dunia Barat dan Islam*. Bandung: Suci Press, ms.27-37.
- Suwirta, Andi. (2007). "Raja, Wakil Allah dan Manusia Sempurna: Wacana Pemikiran Politik Islam di Indonesia" dalam Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta. *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung dan Bangi: Historia Utama Press dan Penerbit UKM, ms.105-118.
- Tregonning, K.G. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo, 1810-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.